

29/09/1998

Dunia tidak akan sokong sekatan

IPOH, Isnin - Pemuda Parti Gerakan yakin dunia tidak menyokong tindakan sekatan ekonomi yang mungkin dikenakan ke atas Malaysia oleh beberapa negara besar berikutan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketuanya, Datuk Chang Ko Youn, berkata kemungkinan sekatan itu hanya dilaungkan oleh segelintir negara yang bermatian mahu menjatuhkan kepemimpinan negara dengan menggunakan isu demokrasi dan hak asasi manusia.

Dengan mengambil contoh Amerika Syarikat, beliau berkata, negara berkenaan sememangnya berhasrat menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada terus menerajui negara ini.

"Sikap tidak berpuas hati terhadap Dr Mahathir itu jelas ditonjolkan melalui kritikan hebat dalam forum dunia sebelum ini," katanya di sini, hari ini.

Katanya, kenyataan Perdana Menteri Australia, John Howard berhubung isu yang sama pula tidak lain hanya untuk meraih undi bagi dirinya pada pilihan raya di negara berkenaan.

(END)